



**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG FASA II”
“BERKAT, TEPAT, CEPAT”**

**Pejabat Daerah Dan Tanah Jasin
77000 Jasin Melaka**

Untuk pertanyaan lanjut sila hubungi:

Tel. : 06-529 8100/8101

Faks : 06-529 3396

Laman web : www.pdtjasin.gov.my

Emel : infopdtjasin@melaka.gov.my



**PEMBANGUNAN
TANAH**

**PERMOHONAN TANAH
KERAJAAN (PTK)(i)(A)**

DEFINISI

Tanah, pada mulanya, terletak hak pada Kerajaan Negeri. Ia kemudiannya, membenarkan penggunaannya atau pendudukan di atasnya secara pegangan hakmilik, lesen pendudukan sementara, atau secara perizapan, atau untuk pengeluaran bahan batuan yang diberi secara pengeluaran permit atau apa-apa hak lain di bawah KTN. Apabila pemberimilikan disempurnakan, iaitu setelah hakmilik bagi sesekeping tanah itu didaftarkan, hak atasnya berpindah daripada Pihak Berkuasa Negeri kepada orang atau badan yang namanya tercatat dalam hakmilik itu tertakluk kepada syarat-syarat tertentu. Petuntukan-peruntukan berhubung pemberimilikan kebanyakannya didapati di Bahagian Lima KTN.

Dalam seksyen 5, KTN, “berimilik” bermakna “melupuskan tanah Kerajaan untuk selama-lamanya atau untuk suatu tempoh beberapa tahun, sebagai balasan bayaran cukai tanah, dan selainnya selaras dengan peruntukan seksyen 76, atau apabila digunakan berkaitan dengan tempoh sebelum mula berkuatkuasa Akta ini, untuk melupuskan tanah Kerajaan untuk selama-lamanya atau untuk suatu tempoh beberapa tahun di bawah undang-undang tanah terdahulu (yang bukannya undang-undang mengenai lombong).

Dalam seksyen yang sama “tanah berimilik” bermakna “mana-mana tanah (termasuk mana-mana petak bangunan yang dipecah bahagi) berkenaan dengannya suatu hakmilik berdaftar pada masa itu sedia ada baginya, sama ada tetap atau sementara, sama ada untuk selama-lamanya atau untuk suatu tempoh beberapa tahun, dan sama ada diberikan oleh Pihak Berkuasa Negeri di bawah Akta ini atau dalam menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh mana-mana undang-undang tanah terdahulu, tetapi tidak termasuk tanah lombong”.

CARA PERMOHONAN

1. Menggunakan Borang Jadual 1 yang boleh didapati di Pejabat Daerah dan Tanah Jasin.
2. Pemohon hendaklah mengenalpasti tanah yang ingin dipohon.
3. Permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen yang berkaitan :-
 - Borang Jadual 1
 - Salinan Kad Pengenalan Pemohon & Isteri/Suami (1 salinan)
 - Salinan Sijil Kelahiran Pemohon & Isteri/Suami (1 salinan)

- Salinan Kad Pengenalan Ibu Bapa/Sijil Kematian/Sijil Kelahiran (1 salinan)

- Surat Pengesahan Ketua Jabatan dan Lampiran G (Pekeliling JPA bil. 3/2002) –sekiranya pemohon adalah individu

- Pelan Lokasi 30 salinan termasuk pelan asal

- Akuan Sumpah yang lengkap

- Sijil Pendaftaran dan MAA–sekiranya pemohon adalah Syarikat/Agensi

BAYARAN PERMOHONAN

- Bayaran proses : RM 50.00
- Bayaran Pelan Lokasi : RM 30.00

KUASA MELULUSKAN

- Kertas pertimbangan keputusan kepada Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN) untuk mendapatkan perakuan lulus atau tolak.
- Keputusan lulus / tolak akan dimaklumkan kepada pemohon.
- Sekiranya lulus, pemohon dikehendaki membuat bayaran seperti yang telah ditetapkan dalam Notis 5A.